

# Pesilat-pesilat Brunei juga mahir dalam sukan taekwando

25 AUG 1989

PARA peserta acara silat terpaksa-lah berhati-hati apabila berdepan dengan pesilat-pesilat Brunei Darussalam kerana mereka bukan sahaja mahir dalam seni silat, tetapi juga dalam seni mempertahankan diri yang lain.

Pesilat-pesilat Brunei, yang akan bertanding dalam acara silat olahraga yang bermula hari ini, mempunyai kebolehan dalam acara taekwando.

Ini telah disahkan oleh jurulatih silat olahraga negara itu, Nur Ali Asmawi, semalam.

Beliau berkata kebanyakan pesilatnya adalah ahli-ahli taekwando sebelum menyertai silat olahraga.

Katanya, kekurangan ahli-ahli sukan di negara itu menyebabkan ramai ahli sukan, terutamanya dalam bidang seni mempertahankan diri, yang melibatkan diri lebih daripada satu acara sukan itu.

Menurutnya, pesilat-pesilat Brunei juga kadang-kala mengadakan latihan bersama-sama skuad taekwando bagi menguji kekuatan mereka.

Antara pesilat-pesilat Brunei yang juga ahli taekwando ialah Michaela Bryant, yang memenangi pingat perak dalam Kejohanan Silat Dunia Keempat di sini dua tahun lepas.

Bagaimanapun, menurut Nur Ali, seorang jurulatih yang berasal dari Indonesia, penglibatan ahli-ahli silat dalam taekwando juga memberikan mereka kelebihan kerana sekurang-kurangnya meningkatkan stamina dan kekuatan fizikal mereka.

Dalam acara silat olahraga di Sukan SEA ini, Nur Ali berkata, Brunei ingin mempertahankan sekurang-kurangnya pungan pingat yang dibuat di Jakarta dua tahun lepas, yang mereka mendapat satu emas, tiga perak dan empat gangsa.

Katanya, harapan pasukannya terletak pada Michaela dan Masskinah Mahmood yang masing-masing akan bertanding dalam Kelas C dan E bahagian puteri, di samping seorang lagi pemenang pingat perak Kejohanan Silat Dunia Keempat, Faudillah Mohamad Ghani, yang akan bertanding dalam Kelas B lelaki.

Dalam sukan di Jakarta dua tahun lepas, Brunei memenangi sebutir pingat emas melalui acara ini.

Brunei menurunkan 15 orang pesilat, termasuk lima wanita dan menyertai semua kelas yang ditandingkan dalam Sukan SEA XV ini. — Bernama.